

KEGIATAN PENYIMPANAN BARANG PERUSAHAAN DAN TEMPAT TINGGAL PEKERJA TANPA KEBENARAN DIHENTIKAN

Pihak Berkuasa Perancangan telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap Syarikat yang menjalankan aktiviti penyimpanan barang pembinaan dan menyediakan penginapan pekerja tanpa Kebenaran di Kampong Lambak, Mukim Berakas kerana melanggar Seksyen 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Penggag 248).

kegiatan tersebut didapati menggunakan tiga lot tanah bersyaratkan perumahan am bagi menjalankan aktiviti penyimpanan industri serta menempatkan pekerja tanpa terlebih dahulu memperoleh Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan. Penggunaan tanah kediaman bagi tujuan penyimpanan barang pembinaan tanpa kelulusan merupakan satu pelanggaran serius terhadap peruntukan perancangan kerana boleh menjejaskan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan sekitarnya.

Aktiviti penyimpanan bahan binaan, peralatan, jentera dan barangan industri yang lain, hanya dibenarkan di kawasan yang dizonkan bagi kegunaan industri dan tertakluk kepada kelulusan Kebenaran Perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancangan. Begitu juga, penggunaan mana-mana bangunan sebagai penginapan pekerja hendaklah terlebih dahulu mendapat Kebenaran Perancangan bagi memastikan penggunaannya mematuhi peruntukan guna tanah yang diluluskan, keperluan perancangan serta piawaian keselamatan dan kebajikan penghuni.

Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, aktiviti penyimpanan berkenaan telah dihentikan dan semua pekerja yang mendiami penginapan tersebut telah mengosongkan kemajuan berkenaan. Aktiviti tersebut telah dipindahkan ke kawasan perindustrian yang bersesuaian.

Pihak Berkuasa Perancangan ingin mengingatkan semua pemilik tanah, pemilik premis, syarikat dan pemaju bahawa sebarang pembangunan atau perubahan penggunaan tanah atau bangunan, termasuk bagi tujuan penyimpanan industri atau penginapan pekerja, hendaklah terlebih dahulu memperoleh Kebenaran Perancangan di bawah Seksyen 23, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Penggag 248). Melaksanakan pembangunan atau menukar penggunaan tanah atau bangunan tanpa kelulusan adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta tersebut.

Mana-mana individu yang didapati bersalah menjalankan pembangunan tanpa Kebenaran Perancangan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND200,000, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang berterusan selepas sabitan, pesalah juga boleh dikenakan denda tambahan sehingga BND10,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

Bagi sebarang aduan atau mendapatkan nasihat berkaitan perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di 8200 222.